



e-Buletin

ماجوتن MAJUTAN

Diterbitkan sejak 1932

Jabatan Perhutanan
Semenanjung Malaysia

EDISI JUL - DIS 2019

Untuk Kakitangan Jabatan Perhutanan www.forestry.gov.my



@MENARA KUALA LUMPUR

Perasmian Pameran Hutan Kita oleh YAB Tun Dr. Mahathir bin Mohamad



15

@KEDAH

9

Pelancaran Buku 'Rasuan Di Hina,
Integriti Di Bina'

Program Penanaman Bakau Sempena
Sambutan Hari Konservasi Ekosistem
Hutan Paya Laut Antarabangsa



SIDANG REDAKSI MAJUTAN 2019

PENASIHAT

YBHG. DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG

Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia

PENGERUSI

YBHG. DATO' HAJI ZAHARI BIN IBRAHIM

Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia
(Dasar dan Perancangan)

KETUA PENGARANG

ENCIK MOHD RAHIM BIN RANI

Pengarah Kanan Bahagian Perancangan
dan Ekonomi Hutan

JAWATANKUASA MAJUTAN 2019

- Dato' Norhaidi bin Yunus
- Encik Raffae bin Ahmad
- Encik Mohd Izani bin Abdullah
- Cik Siti Aisah binti Dahlan

WAKIL JAWATANKUASA NEGERI

- Puan Nurul Hidayah binti Hadzuba (JPN Johor)
- Puan Siti Sarah binti Shaharuddin (JPN Kedah)
- Encik Mohd Faris bin Abdul Rhani (JPN Kelantan)
- Puan Norliza binti Md (JPN Melaka)
- Cik Rabiatul Adawiyah binti Fauzi (JPN Pulau Pinang)
- Puan Norhafizah binti Mustafa (JPN Selangor)
- Puan Rafizah binti Minhat (JPN Sembilan)
- Encik Edevaldo J. Yapp (JPN Pahang)
- Encik Suhaidi bin Sinin (JPN Perak)
- Puan Fadhilah binti Mohamad (JPN Perlis)
- Puan Mariatul Qiptiyah binti Md Shah (JPWP Kuala Lumpur)
- Encik Mohd. Hafni bin Ahmad Saraji (JPN Terengganu)

KATA ALUAN KETUA PENGARANG



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaratuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah segala puji bagi Allah, dengan limpah kurniaNya penerbitan MAJUTAN dapat dikeluarkan bagi Edisi Julai Disember 2019 secara atas talian. Sekalung perhargaan dan tahniah diucapkan kepada pasukan sidang redaksi MAJUTAN atas usaha, kerjasama dan komitmen yang diberikan dalam menyediakan dan menghimpunkan aktiviti-aktiviti jabatan sepanjang Julai hingga Disember tahun 2019.

Tahun 2019 telah merakamkan pelbagai momen bersejarah kepada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) termasuk Pameran Hutan Kita dan Pelancaran buku 'Rasuah Dihina, Integriti Dibina' yang membawa nama JPSM ke satu tahap pencapaian yang membanggakan. Di samping itu, wadah ini juga turut memuatkan pencapaian serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan selari dengan visi dan misi jabatan untuk terus menjadi agensi yang terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan. Dengan usaha-usaha yang telah dilakukan ini, JPSM berjaya menunjukkan dan mengekalkan komitmen berterusan dalam mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan selari dengan hasrat bagi mengoptimumkan sumbangan kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.

Akhir kata, saya mewakili Pasukan Sidang Redaksi MAJUTAN 2019 ingin memohon maaf jika terdapat sebarang kelemahan dan kekurangan sepanjang penerbitan MAJUTAN Edisi Julai-Disember 2019. Semoga dengan penerbitan MAJUTAN ini mampu menambahkan perkongsian ilmu pengetahuan kakitangan JPSM, sekaligus dapat meningkatkan imej dan sumbangan jabatan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

WAKIL JAWATANKUASA BAHAGIAN/UNIT/PERSATUAN/KELAB

- Encik Hazlan bin Abd Aziz (BPE)
- Encik Nor Saidatul Huriah binti Shahrudin (BUH)
- Cik Nabilah Hamidah binti Sabar (BSB)
- Encik Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani (BTK)
- Puan Sharifah Amira binti Salim (BLH)
- Encik Muhammad Hafidz bin Abdullah (BLP)
- Encik Mohd Rizal bin Sabran (BPK)
- Puan Sabrina binti Abd Latif (BEP)
- Encik Abdul Azim bin Mohamed Zakaria (BKH)
- Cik Zuraidah binti Sulaiman (BKP)
- Encik Mohd Rizal bin Abd Rahim (UIP)
- Puan Line@Norline binti Zarnudin (BPP)
- Puan Jennifer anak Francis (BHA)
- Encik Abdul Nasir bin Ismail (UKKPA)
- Puan Mazuraa binti Marzuki (BPM)
- Cik Nurul Huda binti Jamaluddin (PUSPANITA)
- Encik Radhuan bin Ramli (PKSIP)
- Encik Mohd Nor Firdaus bin Rahim (KELAB BOWLING)



Isi Kandungan

Muka surat

TAJUK

- 1 KURSUS PENGURUSAN HUTAN KE ARAH JAMINAN DAN PENINGKATAN HASIL NEGARA BAGI KAJIAN INTEGRASI SISTEM SILVIKULTUR PEMILIHAN POKOK (STSS)
- 1 PROGRAM MUSYAWARAH HALA TUJU HUTAN ULU SAT SEMPENA SEMINAR EKSPEDISI HUTAN ULU SAT: NADI PEMELIHARAAN ALAM SEMULAJADI KELANTAN
- 2 *JUNGLE PARK IN TOWN 2.0*
- 2 PENGETAHUAN DAN ILMU KESELAMATAN DI AIR (KURSUS ASAS BERENANG, MENYELAM DAN MENYELAMAT)
- 3 PROGRAM FUTSAL MUHIBBAH ANJURAN BADAN KEBAJIKAN PELATIH INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN)
- 3 KURSUS ASAS GUBALAN UNDANG-UNDANG LANJUTAN
- 4 PAMERAN HUTAN KITA
- 5 KURSUS PENYEDIAAN STOK BAHAN TANAMAN POKOK BESAR JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA SIRI 1 TAHUN 2019
- 5 KURSUS PENGENALAN DAN PENGURUSAN SPESIES DIPTEROKarpa TERANCAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA SIRI I TAHUN 2019 BAGI PEGAWAI GRED G41-G44 & SIRI II TAHUN 2019 BAGI PEGAWAI GRED G19-G36
- 6 KURSUS PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) DALAM PENGURUSAN HUTAN
- 6 KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA - TIPS UNTUK MAJIKAN DAN PEKERJA
- 6 PROGRAM LATIHAN ALA TENTERA (LAT)
- 7 LAWATAN KERJA PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN KE NEGERI SABAH
- 7 LAWATAN UKHUWAH PEKSJAP KE KEMBOJA
- 8 TAMAN NEGERI ENDAU ROMPIN (TNER) BERWAJAH BAHRU
- 9 SAMBUTAN HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2019
- 9 PROGRAM KEMPEN KESEDARAN PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGERI KELANTAN TAHUN 2019
- 10 PROGRAM LAWATAN PUSPANITA KE LUAR NEGARA SIRI 3 – “SEOUL, KOREA”
- 10 PROGRAM PERJUMPAAN PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN PERINGKAT SEMENANJUNG MALAYSIA BERSEMPENA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI KE-39 TAHUN 2019
- 11 KURSUS PENGGUNAAN APLIKASI SISTEM E-GEOSPATIAL PERHUTANAN (E-GP)
- 11 PROGRAM AWARENESS DAN “SHARING KNOWLEDGE” MENGENAI JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BERSAMA KAKITANGAN AIR ASIA SDN. BHD. DI PEJABAT RED ‘Q’ AIR ASIA, SEPANG, SELANGOR
- 12 KURSUS PEMANTAPAN KEMAHIRAN REKREASI LUAR JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN
- 12 KURSUS PENGGUNAAN GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM (GIS) DAN GLOBAL POSITIONING SYSTEM (GPS) UNTUK TUJUAN PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN HUTAN
- 13 KEMPEN DAN ROADSHOW PERHUTANAN SOSIAL JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA DENGAN KERJASAMA JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK DI NEGERI PERAK TAHUN 2019
- 13 KEM BAGI KEM CINTA ALAM PEMIMPIN PASUKAN BADAN BERUNIFORM SEKOLAH MENENGAH PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2019 ANJURAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.
- 14 KURSUS PEMANDUAN KENDERAN PACUAN 4 RODA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN DAN NEGERI KELANTAN
- 14 PELANCARAN REKAAN LUAR BAHARU PESAWAT AIR ASIA SDN. BHD. DENGAN TEMA “HUTAN KITA” SEMPENA KEMPEN SELAMATKAN HARIMAU MALAYA
- 15 PELANCARAN BUKU “RASUAH DIHINA, INTEGRITI DIBINA” TERBITAN UNIT INTEGRITI PERHUTANAN, JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA.
- 15 PROGRAM INTERNATIONAL FORESTRY FORA TALK KALI KE-3 TAHUN 2019 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA



Para peserta mengaplikasi pembelajaran teori di lapangan dengan menggunakan peralatan Trupulse.



Kelas pembelajaran secara teori di jalankan bagi memberi penerangan sebelum aktiviti lapangan dilaksanakan.

KURSUS PENGURUSAN HUTAN KE ARAH JAMINAN DAN PENINGKATAN HASIL NEGARA BAGI KAJIAN INTEGRASI SISTEM SILVIKULTUR PEMILIHAN POKOK (STSS)

ILHAM DAN NUKILAN: NOOR AKMAL BINTI JAMIL
SEKSYEN HUTAN DARAT, BAHAGIAN PENGURUSAN HUTAN, IPJPSM

PUSAT LATIHAN PERHUTANAN BELIMBING, PAHANG (2-3 JULAI 2019)

Bahagian Pengurusan Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dengan kerjasama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) telah mengadakan Kursus Pengurusan Hutan Ke Arah Jaminan Dan Peningkatan Hasil Negara Bagi Kajian Integrasi Silvicultural Tree Selective System (STSS) dalam Selective Management System (SMS).

Kursus ini berlangsung selama dua (2) hari di Pusat Latihan Perhutanan Belimbong, Pahang dan melibatkan seramai 30 orang yang terdiri daripada kakitangan kumpulan sokongan dari gred G11 hingga G29 IPJPSM, Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Pahang dan Jabatan Perhutanan Negeri Johor.



Peserta dan penceramah yang menghadiri kursus turut merakamkan kenangan bergambar bersama.

Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan serta melatih kakitangan yang akan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan kajian STSS dalam SMS iaitu pelaksanaan bancian 100% di lapangan, tatacara pengendalian peralatan bancian khususnya Trupulse dan Tablet, serta pengendalian perisian STSS. Kajian ini mampu memberi impak kepada JPSM khususnya di JPN dalam membantu memantapkan lagi sistem pengurusan hutan bagi mencapai visi dan misi jabatan iaitu untuk terus kekal menjadi sebuah agensi terunggul dalam pengurusan hutan tropika secara berkekalan serta untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosio-ekonomi negara.

PROGRAM MUSYAWARAH HALA TUJU HUTAN ULU SAT SEMPENA SEMINAR EKSPEDISI HUTAN ULU SAT: NADI PEMELIHARAAN ALAM SEMULAJADI KELANTAN

ILHAM DAN NUKILAN: SURYANI BINTI MOHD NORDIN
JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN

BUKIT BAKAR, KELANTAN (10 JULAI 2019)

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan dengan kerjasama Universiti Malaysia Kelantan (UMK) Kampus Jeli telah menganjurkan Program Musyawarah Hala Tuju Hutan Ulu Sat sempena penganjuran Seminar Ekspedisi Hutan Ulu Sat : Nadi Pemeliharaan Alam Semula Jadi Kelantan yang telah diadakan pada 5 hingga 6 Ogos 2019 di Dewan Pusat Latihan, Taman Eko Rimba Bukit Bakar, Machang Kelantan. Tujuan program ini diadakan adalah untuk berkongsi maklumat yang diperolehi dan pengalaman hasil daripada Ekpedisi Saintifik Kepelbagai Biologi yang telah diadakan pada 11 hingga 15 Ogos 2018 yang lepas. Hasil dari program ini adalah dapat berkongsi pandangan dalam penjagaan dan pengurusan khazanah hutan di Hutan Simpan Ulu Sat supaya kekal terurus.

Antara moderator program yang terdiri daripada pegawai kanan JPN Kelantan



Peserta turut diberi kesempatan untuk bertanya sekiranya terdapat sebarang persoalan.



Soalan yang diajukan dijawab oleh Pegawai Kanan JPN Kelantan.

Sejumlah 60 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai-Pegawai Kanan JPNK, Pensyarah UMK, penggawa-penggawa dan penghulu-penghulu daripada tiga buah daerah iaitu Ulu Sat, Pangkal Meleret dan Panyit telah hadir. Jabatan Perhutanan telah menjemput YBrs. Dr. Haji Yunus bin Zakaria sebagai moderator bagi program ini. Terdapat juga sesi soal jawab antara wakil-wakil penggawa dan penghulu-penghulu berkaitan dengan isu hutan simpan yang berhampiran dengan kampung mereka. Setiap persoalan dan jawapan ataupun input yang diperolehi daripada program ini akan dibentangkan semasa seminar dan akan dimasukkan dalam buku prosiding yang akan diterbitkan nanti.

JUNGLE PARK IN TOWN 2.0

ILHAM DAN NUKILAN: CIK NORBAIZURA BINTI ARIS
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

IPOH (13 JULAI 2019)

Susulan sambutan meriah Program Jungle Park in Town yang terdahulu, siri dua yang dikenali sebagai Jungle Park in Town 2.0 telah diadakan di Taman Eko Rimba Kledang Saiong pada 13 hingga 14 Julai 2019. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohamed Zin bin Yusop, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Perak bertujuan bagi mempromosikan Taman Eko Rimba Kledang Saiong sebagai salah satu lokasi eko-pelancongan di samping menarik lebih ramai pengunjung melawat Taman-Taman Eko Rimba yang terdapat di sekitar negeri Perak.



YBhg. Dato'
Mohamed
Zin bin
Yusop,
Pengarah
Perhutanan
Negeri Perak
mengunjungi
salah satu
ruang
pameran.

Pengunjung program kali ini berpeluang mengikuti pelbagai aktiviti riadah dan rekreasi yang disediakan seperti *flying fox*, *wall climbing*, *tree climbing*, *jungle survival*, *abseiling*, pertandingan mewarna dan tarian zumba. Di samping itu, pelbagai ruangan pameran dan jualan barang *outdoor* juga disediakan kepada para penggemar aktiviti lasak.



Pengarah Perhutanan Negeri Perak turut mencuba aktiviti yang disediakan.



Pertandingan
Mewarna juga
diadakan
kepada para
pengunjung
kanak-kanak
yang
berminat.

PENGETAHUAN DAN ILMU KESELAMATAN DI AIR (KURSUS ASAS BERENANG, MENYELAM DAN MENYELAMAT)

ILHAM DAN NUKILAN: EDEVALDO J. YAPP
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

KUANTAN, PAHANG (16-18 JULAI 2019)

Kursus yang telah diadakan pada 16 hingga 18 Julai 2019 ini bertujuan untuk meningkatkan tahap keselamatan semasa kerja kerana terdapat skop dalam pekerjaan perhutanan yang di kawasan perairan yang terdedah dengan risiko keselamatan seperti sungai, tasik, laut, jeram dan air terjun. Jabatan Perhutanan Negeri Pahang memandang serius terhadap tahap keselamatan pekerja agar tiada berlaku kemalangan semasa bertugas.

Selain itu, kursus ini secara tidak langsung meningkatkan pemantapan keupayaan kakitangan di dalam aktiviti berenang, menyelam dan menyelamat. Pihak urus setia telah melantik pihak konsultan yang pakar dalam bidang berkaitan dengan aktiviti air sebagai tenaga pengajar untuk mengajar teknik-teknik asas berenang, menyelam dan menyelamat. Seramai 47 orang peserta daripada Pejabat Hutan Daerah dan Unit-unit (Perhutanan dan Pentadbiran) telah menghadiri kursus ini.

Sepanjang tiga hari penganjuran kursus tersebut, para peserta didedahkan tentang ilmu asas berenang, menyelam, mengenai keselamatan berhampiran air, kemahiran asas menyelamatkan diri, mencapai peralatan yang ada untuk menyelamat dan teknik menyelamatkan mangsa serta bertindak sewajarnya dalam situasi kecemasan akuatik. Ilmu dan kemahiran peserta juga telah diuji melalui slot ujian praktikal yang dilaksanakan oleh pihak konsultan.

Secara keseluruhannya, objektif kursus telah berjaya dicapai. Kursus ini bukan sahaja dapat mengajar kakitangan untuk berkebolehan dalam aktiviti berenang malah keperluan menyelamat dalam air boleh segera dihulurkan kepada sesiapa sahaja semasa tugas. Jabatan amat berharap agar kemahiran asas renang, menyelam dan menyelamat dapat meningkatkan keupayaan dalam melaksanakan tugas-tugas lapangan seperti di Taman Eko-Rimba, sungai dan laut yang merupakan skop keutamaan dalam tugas-tugas perhutanan sekaligus dapat meningkatkan imej Jabatan.



Antara tenaga pengajar dan peserta yang mengikuti kursus ini.

PROGRAM FUTSAL MUHIBBAH ANJURAN BADAN KEBAJIKAN PELATIH INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN)

ILHAM DAN NUKILAN : IHSAN SABRI BIN KAMARAZAMAN
BAHAGIAN LATIHAN PERHUTANAN, IPJPSM



Antara warga BLP yang terlibat dan mengambil bahagian dalam program ini.

KEPONG (20 JULAI 2019)

Program Futsal Muhibbah anjuran Badan Kebajikan Pelatih Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) yang melibatkan kakitangan Bahagian Latihan Perhutanan (BLP) bersama pelajar. Tujuan program ini diadakan adalah untuk menggalakkan aktiviti sukan di kalangan kakitangan BLP dan pelatih FORTRAIN serta dapat merapatkan hubungan silaturrahim di kalangan warga BLP.



Pasukan futsal yang terdiri daripada gabungan Pelatih FORTRAIN dan kakitangan BLP.

KURSUS ASAS GUBALAN UNDANG-UNDANG LANJUTAN

ILHAM DAN NUKILAN: LINE @ NORLINE BINTI ZARNUDIN
BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN, IPJPSM

MELAKA (23-25 JULAI 2019)

Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menganjurkan Kursus Asas Gubalan Undang-Undang Lanjutan pada 23 hingga 25 Julai 2019 di Hotel Temasek, Melaka. Seramai 24 orang peserta telah menghadiri kursus ini yang terdiri daripada pegawai dari kumpulan pengurusan dan profesional dalam pelbagai skim perkhidmatan (Gred 41 sehingga 44) di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri.

Kursus ini bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada peserta tentang prinsip asas dalam penggubalan, proses pembuatan dan pengemaskinian undang-undang dalam meggbabal suatu undang-undang.

Pendedahan asas ini merupakan inisiatif yang diberi keutamaan bagi peserta mengetahui dan memahami perjalanan proses penggubalan suatu undang-undang. Kursus ini sejarar dengan matlamat jabatan yang sedang ke arah pindaan Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] untuk diangkat ke parliment pada tahun 2020. Pada peringkat dasar, jabatan telah mengorak langkah dengan mengambil tindakan menyemak dan memperkemaskan peruntukan undang-undang khususnya bagi memantapkan penguatkuasaan hutan dalam membanteras kegiatan pengambilan hasil hutan tanpa kebenaran serta meningkatkan pelaksanaan aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan hutan.

Penceramah yang ditampilkan dalam kursus ini adalah seorang pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia iaitu Prof. Madya Dr. Che Ibrahim bin Salleh bagi sesi Pembakuan Bahasa Melayu dan Laras Bahasa Perundangan. Dua orang penceramah yang berpengalaman dari Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara iaitu Puan Hamielia binti Hamizan dan Puan Sharifah Sara Shahirah binti Syed Ahmad bagi sesi pengubalan undang-undang.

Pendedahan dan peningkatan pemahaman pegawai Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia terhadap penggubalan undang-undang dapat memberi nilai tambah terhadap pegawai dalam menghasilkan pegawai dan kakitangan yang berpengetahuan dalam aspek perundangan selaras dengan matlamat Jabatan.



1. Peserta bersama-sama penceramah, Puan Hamielia binti Hamizan dari Bahagian Gubalan Jabatan Peguam Negera, Putrajaya.
2. Peserta bersama-sama penceramah Puan Sharifah Sara Shahirah binti Syed Ahmad dari Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara, Putrajaya dan Puan Fazilah binti Mansor, Pengarah Bahagian Perundangan & Pendakwaan.

PAMERAN HUTAN KITA



Sesi lawatan YAB Perdana Menteri ke Pameran Hutan Kita.



Perasmian Pameran 'Hutan Kita' oleh YAB Tun Mahathir bin Mohamad.

ILHAM DAN NUKILAN: AIMIE AIZA BINTI MOHD TUSIN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM, IPJPSM

KUALA LUMPUR (24 OGOS - 22 SEPTEMBER 2019)

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia serta lain-lain agensi seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Hutan Sarawak, Jabatan Perhutanan Negeri Sabah, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), VIVO Malaysia dan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) telah berjaya menganjurkan Pameran "Hutan Kita". Pameran ini telah berlangsung bermula pada 24 Ogos 2019 hingga 22 September 2019 di Menara Kuala Lumpur dan terbuka kepada orang awam secara percuma. Pada 23 Ogos 2019, YAB Tun Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia telah menyempurnakan perasmian Pameran "Hutan Kita". Majlis ini turut dialu-alukan oleh YB Dato' Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS).



Kunjungan pelawat ke Pameran Hutan Kita yang turut disertai oleh Jabatan Perhutanan Sabah dan Sarawak, FRIM, dan PERHILITAN



Pameran Hutan Kita telah menerima pengiktirafan *Malaysia Book of Records*.

Pameran 'Hutan Kita' merupakan inisiatif Program Konservasi Hutan Kita 2019-2020 yang mempamerkan kekayaan Khazanah Hutan Negara serta usaha memelihara dan memuliharanya. Majlis perasmian Pameran "Hutan Kita" turut melakar sejarah dengan pengumuman Pokok Merbau (*Malacca teak* atau *Intsia palembanica*) telah dipilih sebagai Pokok Kebangsaan Malaysia oleh YAB Perdana Menteri Malaysia. Pokok Merbau dipilih sebagai lambang keutuhan integriti hutan negara, hasil daripada pengurusan secara mampan serta usaha pemuliharaan khazanah biodiversiti Malaysia. Hal ini kerana sifatnya yang lasak dan mempunyai daya tahan yang tinggi. Pokok Merbau juga merupakan simbol kepentingan hutan kepada pembangunan industri dan ekonomi negara. Di samping itu, sebanyak 850 spesies pokok hutan hujan tropika di Malaysia telah dipamerkan. Pameran ini turut berjaya mencipta rekod kebangsaan dengan menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBR) sebagai Pameran Spesies Pokok Hutan Tropika Terbesar (*Largest Tropical Rainforest Tree Species Exhibition*).



Sesi Bergambar Penceramah, Para Peserta dan Urus setia Kursus di Taman Eko-Rimba Bukit Ayer, Kangar Perlis



Amali penyediaan dan pemindahan pokok besar di lapangan



Sesi Teori bagi mengenai pengenalan kursus yang disampaikan oleh Encik Mohd Nor Firdaus bin Rahim

KURSUS PENYEDIAAN STOK BAHAN TANAMAN POKOK BESAR JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA SIRI 1 TAHUN 2019

ILHAM DAN NUKILAN: SITI NURULHUDA BINTI AHMAD TARMIDZI
BAHAGIAN SILVIKULTUR DAN PEMELIHARAAN BIOLOGI HUTAN, IPJPSM
KANGAR, PERLIS (26-28 OGOS 2019)

Bahagian Silvikultur & Pemeliharaan Biologi Hutan (BSB) telah mengambil inisiatif menganjurkan Kursus Penyediaan Stok Bahan Tanaman Pokok Besar Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Siri 1 Tahun 2019 pada 26 hingga 28 Ogos 2019 bertempat di Taman Eko-Rimba Bukit Ayer, Kangar Perlis yang melibatkan 28 orang Pegawai dan Kakitangan daripada Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) dan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran para peserta dalam asas penyediaan stok bahan tanaman pokok besar untuk memenuhi keperluan stok bahan tanaman di tapak semaiannya yang berlainan serta mempelbagaikan kemahiran (*multiple skill*) dan menambah nilai (*added value*) dalam penyediaan stok bahan tanaman kepada para peserta.

Sesi ceramah dan latihan amali di lapangan telah dikendalikan sepenuhnya oleh penceramah iaitu Encik Adnan bin Mohamad bersama ahli pasukan iaitu Encik Mazli bin Wahab dan Encik Salehin bin Jantan yang merupakan pesara kerajaan daripada Institut Latihan Perhutanan Malaysia (FRIM). Sememangnya, penceramah dan fasilitator yang diundang mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas mengenai penyediaan stok bahan tanaman pokok besar (instant tree). Kursus selama tiga hari yang telah dijalankan meliputi kaedah pembelajaran secara teori dan praktikal di lapangan. Para peserta telah dibawa ke lapangan bagi amali penyediaan dan pemindahan pokok besar. Secara keseluruhannya, kursus ini mencapai objektif yang telah ditetapkan.

KURSUS PENGENALAN DAN PENGURUSAN SPESIES DIPTEROKARPA TERANCAM DI SEmenanjung MALAYSIA SIRI I TAHUN 2019 BAGI PEGAWAI GRED G41-G44 & SIRI II TAHUN 2019 BAGI PEGAWAI GRED G19-G36

ILHAM DAN NUKILAN: REANEE LEE
BAHAGIAN SILVIKULTUR DAN PEMELIHARAAN BIOLOGI HUTAN, IPJPSM

KEPONG (21-24 OKTOBER 2019)

Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan telah menganjurkan Kursus Pengenalan dan Pengurusan Spesies Dipterokarpa Terancam Di Semenanjung Malaysia Siri I tahun 2019 bagi pegawai gred G41-G44 pada 7 hingga 10 Oktober 2019 dan Siri II tahun 2019 bagi pegawai gred G19-G36 pada 21 hingga 24 Oktober 2019 bertempat di Bahagian Latihan Perhutanan Kepong, Selangor.

Tujuan utama kursus ini adalah untuk memberi pendedahan dan menentukan kekunci utama dalam mengenalpasti spesies dalam kumpulan Dipterokarpa terutamanya spesies Dipterokarpa di bawah kategori Sangat Terancam (Critically Endangered). Di samping itu, kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan tahap ilmu perhutanan dalam bidang dendrologi melalui pengecaman spesies pokok serta pengumpulan sampel herbarium. Kursus ini dijalankan di lapangan dilaksanakan secara *hands on* serta latihan praktikal agar pengenalan terhadap spesies tersebut dapat dijalankan dengan lebih berkesan.



Peserta kursus menduduki ujian Penilaian Pengecaman Spesies Dipterokarpa Terancam

Bagi melancarkan lagi kursus ini, jabatan telah menjemput seramai empat orang penceramah dan tiga orang fasilitator daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) bagi membantu mengendalikan kursus sepanjang tempoh kursus berlangsung. Seramai 16 orang peserta yang terdiri daripada pegawai gred G41-G44 dan 21 orang pegawai gred G19-G36 telah menghadiri kursus ini dengan jayanya. Secara keseluruhannya, kursus ini mendapat maklum balas positif daripada peserta. Kursus ini juga diharap agar diteruskan pada masa akan datang.



KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA – TIPS UNTUK MAJIKAN DAN PEKERJA

ILHAM DAN NUKILAN: ZULAZFAR HUSAINI B. ABDULLAH SANI
BAHAGIAN TEKNIKAL & INDUSTRI KAYU, IPJPSM

APAKAH KEPENTINGAN?

Sebagai pekerja, kebanyakan kita menghabiskan masa hidup di tempat kerja di mana kita menghadapi risiko terdedah kepada berbagai punca bahaya. Tempat kerja yang kurang selamat boleh mengakibatkan kemalangan dan penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan yang akan memudararatkan kita dan keluarga dari segi sosial dan juga kewangan.

APAKAH FAEDAH MEMPUNYAI TEMPAT KERJA YANG SELAMAT?

- Melindungi aset terpenting – iaitu pekerjanya
- Meningkatkan produktiviti
- Mengurangkan kemalangan dan penyakit di tempat kerja
- Mengurangkan pembayaran insurans pampasan pekerja
- Mengurangkan perbelanjaan perubatan pekerja dan majikan
- Meningkatkan moral pekerja

BAGAIMANA CARA UNTUK MEWUJUDKAN TEMPAT KERJA YANG SELAMAT?

- Menyediakan polisi atau dasar keselamatan dan kesihatan untuk organisasi anda.
- Mewujudkan komiti bagi keselamatan dan kesihatan yang terdiri dari pihak pengurusan dan juga kakitangan.
- Sentiasa berbincang mengenai isu-isu keselamatan di tempat kerja.
- Merekod setiap kemalangan dan hampir kemalangan dan seterusnya membuat penilaian untuk langkah pencegahan.
- Memberikan pekerja latihan dan pendidikan mengenai amalan cara kerja yang selamat.
- Menyediakan peti kecemasan yang dilengkapi dengan keperluan-keperluan perubatan kecemasan.



KURSUS PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA) DALAM PENGURUSAN HUTAN

ILHAM DAN NUKILAN: SUHAIDI BIN SININ
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PERAK

SUNGAI SIPUT (3 SEPTEMBER 2019)

Jabatan Perhutanan Negeri Perak melalui Seksyen Hasil Bukan Kayu dan Latihan telah menganjurkan Kursus Penilaian Impak Sosial (SIA) pada 3 hingga 5 September 2019. Kursus ini dianjurkan khas untuk pegawai dan kakitangan di lapangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak dengan tujuan memberi dan meningkatkan pemahaman dan kaedah-kaedah pelaksanaan SIA. Latihan secara *hands-on* turut diadakan di perkampungan sekitar Daerah Kuala Kangsar yang melibatkan masyarakat setempat dan juga orang asli.

PROGRAM LATIHAN ALA TENTERA (LAT)

ILHAM DAN NUKILAN: EN. IHSAN SABRI BIN KAMARAZAMAN
BAHAGIAN LATIHAN PERHUTANAN, IPJPSM

KUANTAN, PAHANG, (23-27 SEPTEMBER 2019)

Majlis Penyerahan Pelatih FORTRAIN kepada jurulatih-jurulatih 101 Kompeni, Kor Polis Tentera Diraja bagi Program Latihan Ala Tentera (LAT) Tahun 2019 ini berlangsung selama lima hari bermula 23 hingga 27 September 2019. Program ini bertujuan melatih para pelatih di Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) untuk menjadi lebih berdisiplin dalam pengurusan masa serta menguatkan seseorang pelatih di FORTRAIN dari segi fizikal dan mental apabila menempuh di alam pekerjaan kelak.

1. Sesi bergambar bersama Pengarah BLP, Tenaga Pengajar FORTRAIN dan Jurulatih-jurulatih 101 Kompeni, Kor Polis Tentera Diraja.

2. Pemeriksaan Barisan oleh YBhg. Dato' Lim Kee Leng, Timbalan Ketua Pengarah Operasi dan Teknikal.

LAWATAN KERJA PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN KE NEGERI SABAH

ILHAM DAN NUKILAN: CHE ENGU NOR AMIZA BINTI CHE ENGU CHIK
JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN

SABAH (7-10 SEPTEMBER 2019)

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah menganjurkan lawatan kerja pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan ke Negeri Sabah selama tiga hari iaitu pada 7 hingga 10 September 2019. Seramai 40 orang kakitangan jabatan telah menyertai lawatan kerja tersebut.

Tujuan lawatan ini adalah untuk memberi pendedahan dan idea mengenai punca hasil baru kepada kerajaan negeri melalui sumber eko-pelancongan. Ia juga bertujuan bagi melihat pengurusan dan pelaksanaan kawasan eko-pelancongan di Negeri Sabah untuk diadaptasikan di Negeri Kelantan sebagai sumber eko-pelancongan yang boleh memberikan hasil kepada kerajaan negeri.



Kakitangan JPN Kelantan tidak melepaskan peluang melalui jambatan gantung yang terdapat di Sabah.

Selain itu, lawatan ini juga diadakan untuk membincangkan isu-isu perhutanan serta kajian punca hasil baru bagi meningkatkan hasil negeri.

Antara kawasan eko-pelancongan yang dilawati adalah Kinabalu Park, Poring Hot Spring, Kota Kinabalu Wetland (Ramsar Site) dan Desa Dairy Farm. Hasil daripada lawatan yang diadakan telah dapat menambah ilmu pengetahuan dan membuka minda di kalangan peserta lawatan. Hasil lawatan ini juga telah dapat menjadi pemangkin kepada kemajuan eko-pelancongan di Negeri Kelantan terutamanya bagi peringkat pengurusan kawasan eko-pelancongan di bawah seliaan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan.

LAWATAN UKHUWAH PEKSJAP KE KEMBOJA

ILHAM DAN NUKILAN: EDEVALDO J. YAPP
JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

KEMBOJA (12-15 SEPTEMBER 2019)

Persatuan Kebajikan dan Sukan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (PEKSJAP) telah mengadakan lawatan ukhuwah ke Kemboja pada 12 hingga 15 September 2019. Tujuan utama lawatan ini adalah untuk menyampaikan sumbangan kepada komuniti setempat, mengukuhkan ukhuwah dan persaudaraan sesama Islam dan meningkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah. Lawatan ini telah disertai oleh 22 orang ahli PEKSJAP yang diketuai oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yasin, Pengarah Perhutanan Negeri Pahang.



Penduduk Kampung Kokork, Tbong Khmun menyambut kahadiran rombongan PEKSJAP dengan meriah.

Rombongan PEKSJAP ke Kampung Kok ini telah diberikan sambutan istimewa dan layanan yang amat mesra dari penduduk kampung. PEKSJAP berharap agar program ini akan dapat diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang. Di samping menyampaikan bantuan, ahli rombongan juga melawat tempat-tempat menarik di sekitar Phnom Penh seperti Killing Fields, Royal Palace, Sungai Mekong dan tempat membeli belah seperti Central Market dan Russian Market.




Rombongan PEKSJAP mengambil gambar kenangan bersama penduduk kampung.

Ahli rombongan telah dibawa melawat ke Kampung Kok Daerah Tbong Khmun, Kemboja untuk menyampaikan sumbangan yang dikumpulkan daripada ahli-ahli PEKSJAP.

Antara sumbangan yang disampaikan ialah barang-barang keperluan harian penduduk seperti pakaian, alat tulis, sejarah, baju solat dan sebagainya yang dianggarkan bernilai RM5,000.00 dan sumbangan membina tiga buah telaga tiub yang bernilai RM7,200.00 serta sumbangan wang tunai kepada Masjid Kampung Kok sebanyak RM1,000.00 di samping 20 buah kitab suci Al-Quran.



Papan tanda masuk ke Taman Negeri Endau Rompin.



Air Terjun Mahkota yang menjadi tarikan di TNER.

TAMAN NEGERI ENDAU ROMPIN (TNER) BERWAJAH BAHARU

ILHAM DAN NUKILAN: EDEVALDO J. YAPP

JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG

Taman Negeri Endau Rompin (TNER) yang terletak di sebahagian Hutan Simpan Endau Rompin, Daerah Rompin adalah salah satu destinasi ekopelancongan utama bagi Negeri Pahang. Kawasan seluas 31,797 hektar ini telah diwartakan di bawah kelas fungsi Hutan Taman Negeri, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) pada 7 Disember 2000.

Penubuhan TNER adalah bertujuan untuk melindungi, memelihara dan mengurus secara berkekalan sumber alam semulajadi dan juga untuk menggalakkan pemahaman dan penghargaan orang ramai terhadap warisan semula jadi untuk kesejahteraan generasi kini dan akan datang. Ini adalah kerana taman ini mempunyai aset berkepentingan dan mempunyai nilai yang tinggi dari segi kaji bumi, kajipurba, sejarah, etnobotani dan sains dalam memajukan pendidikan, kesihatan, nilai estetik dan rekreasi.

Bagi membangunkan TNER sebagai destinasi pelancongan utama yang bertaraf antarabangsa, pihak Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (East Coast Economic Region Development Council – ECERDC) telah melabur sejumlah RM15 juta untuk membantu Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) dalam menaiktaraf dan menyediakan beberapa infrastruktur dan kemudahan asas. Antaranya adalah Pusat Penemuan Kajian Hutan Kinchin (Rainforest Discovery Centre – RDC), kaunter tiket, dewan serbaguna, kafeteria, tandas awam, surau, jambatan gantung, menara tinjau, ruang pejabat, bilik mesyuarat, bilik makmal penyelidikan, asrama penyelidik, pantri, pusat sumber dan sebagainya.

Antara kemudahan fasiliti yang disediakan di TNER.



Projek pembangunan ini telah dilaksanakan mulai Ogos 2016 hingga September 2019. Projek pembangunan ini telah siap sepenuhnya dan telah dibuat penyerahan projek oleh pihak ECERDC kepada Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) pada 19 September 2019 di TNER.

Pelan pengurusan tersebut mengambil kira pelbagai komponen bagi pembangunan masa hadapan TNER yang lestari yang memenuhi keperluan konservasi sumber dan juga adalah bertujuan untuk memastikan penawaran peluang rekreasi yang dapat memberikan manfaat ekonomi kepada penduduk setempat dan sebagai cara untuk pendidikan pemuliharaan untuk para pengunjung.

Dalam konteks tersebut, pihak JPNP berhasrat untuk menjadikan TNER bukan sahaja sebagai destinasi ekopelancongan utama (*flagship destination*) Negeri Pahang, tetapi juga sebagai hub penyelidikan perhutanan yang mampu menarik minat para penyelidik dan saintis dari dalam dan luar negara untuk menjalankan kajian-kajian tentang kepelbagai biodiversiti hutan. Dalam pada itu, JPNP juga berhasrat untuk menjadikan TNER sebagai hutan pelajaran interaktif yang memberi kesedaran kepada masyarakat umum tentang kepentingan dan peranan khazanah hutan.



Majlis penyerahan projek oleh ECERDC kepada JP Pahang.



Wakil JP Pahang menyampaikan cendera hati kepada YBhg. Dato' Ridza bin Awang sebagai tanda kenang-kenangan.

SAMBUTAN HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2019

ILHAM DAN NUKILAN: EN. JAMAL SHUHAILY BIN SHAHAR, PN. SUHANA BINTI BEBAKAR & EN. MOHD FAISAL BIN NASARUDDIN
BAHAGIAN LADANG HUTAN DAN PERLINDUNGAN HUTAN, IPJPSM

KEDAH (17 OKTOBER 2019)

Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2019 telah disambut di Kompleks Pelancongan Jeti Semeling, Kuala Muda, Sungai Petani, Kedah pada 17 Oktober 2019. Sambutan ini telah disempurnakan perasmianya oleh YAB Dato' Seri Utama Hj. Mukhriz Tun Mahathir, Menteri Besar Negeri Kedah Darul Aman dan turut dihadiri oleh YB Dato' Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Air, Tanah Dan Sumber Asli. Pada sambutan ini sebanyak 1,200 pokok telah diserahkan kepada penduduk tempatan. Sambutan pada kali ini telah mencipta sejarah di mana Buku Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut Tahun 2020-2029 Negeri Kedah telah dilancar dan menjadikan Negeri Kedah, negeri pertama yang menghasilkan buku Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut menggunakan Garis Panduan Penyediaan Rancangan Pengurusan Hutan Paya Laut untuk Negeri-Negeri Di Malaysia.

Sambutan ini dimeriahkan dengan pameran dari 12 agensi dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO). Antara agensi dan NGO yang turut serta termasuklah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK), Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Agensi Angkasa Malaysia (MYSA), Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (NAHRIM), World Wildlife Fund Malaysia (WWF-Malaysia), Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Persatuan Kebajikan Nelayan-nelayan Pantai Pulau Pinang (PIFWA), Pertubuhan Muafakat Warga Desa (Rural Citizens) Negeri Kedah Darul Aman, Pertubuhan Sahabat Hutan Bakau Kuala Gula dan Pertubuhan Bakau Hijau.



Tinjauan ke lokasi penanaman oleh YAB Dato' Seri Utama Hj. Mukhriz bin Tun Mahathir dan YBhg. Dato' Dr. Xavier Jayakumar.



YAB. Menteri Besar Kedah dan YB Menteri KATS bersama-sama dengan sebahagian peserta Program Penanaman Pokok Bakau di Tapak Penanaman, Jeti Semeling, Kuala Muda, Merbok, Sungai Petani, Kedah pada 17 Oktober 2019.

DISEDIAKAN OLEH: SURYANI BINTI MOHD NORDIN
JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN

TUMPAT, KELANTAN (24 OKTOBER 2019)

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan telah menganjurkan Kempen Kesedaran Penanaman Pokok Bakau Dan Spesies-Spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negeri Kelantan Tahun 2019 pada 24 Oktober 2019 (Khamis) bertempat di Pulau Bedal, Delta Tumpat Kelantan. Program penanaman ini diadakan untuk menyemarak dan meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat secara berterusan supaya mencintai hutan dan menghargai kepentingan serta sumbangannya kepada kestabilan alam sekitar. Selain itu, untuk memberi pendedahan kepada para pelajar dengan lebih dekat mengenai ekosistem yang terdapat di Hutan Paya Laut di Negeri Kelantan.

Hutan Paya Laut adalah khazanah dunia yang perlu dipelihara dengan baik demi kepentingan sangat. Ia memainkan peranan yang penting sebagai penampang dengan mengurangkan kesan gelombang ombak dari arah laut selain agen penting memerangkap enapan iaitu satu proses penambakan secara semulajadi akibat aktiviti pasang surut air laut. Peserta yang terlibat dalam acara penanaman pokok bakau adalah seramai 60 orang yang terdiri daripada kakitangan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Pengkalan Chepa dan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Sains Machang. Semua peserta yang terlibat dibawa dengan menaiki bot untuk ke tapak penanaman. Sebanyak 400 anak pokok bakau minyak dan bakau kurap telah berjaya ditanam oleh para peserta.

PROGRAM KEMPEN KESEDARAN PENANAMAN POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGERI KELANTAN TAHUN 2019



Aktiviti penanaman pokok dilakukan oleh para peserta.

PROGRAM LAWATAN PUSPANITA KE LUAR NEGARA SIRI 3 – “SEOUL, KOREA”

DISEDIAKAN OLEH: NURUL HUDA BINTI JAMALUDDIN
SETIAUSAHA PUSPANITA, IPJPSM

SEOUL, KOREA (17 OKTOBER 2019)

Persatuan Suri dan Anggota Perkhidmatan Awam (PUSPANITA) Cawangan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah menganjurkan Program Lawatan PUSPANITA ke Luar Negara Siri 3 – “Seoul, Korea” pada 17 hingga 22 Oktober 2019. Seramai 23 orang peserta yang terdiri daripada ahli-ahli PUSPANITA JPSM dan juga turut disertai oleh Pengerusi PUSPANITA JPSM, YBhg. Datin Norhashimah binti Hj. Shaari. Objektif program lawatan PUSPANITA ini adalah untuk menimba pengalaman dan mempelajari budaya luar dengan melawat ke tempat-tempat menarik di samping mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dikalangan ahli-ahli PUSPANITA JPSM. Para peserta telah dibawa melawat ke beberapa tempat menarik di sekitar Seoul, Korea. Sepanjang 5 hari berada di sana, peserta lawatan telah dibawa ke tempat-tempat menarik seperti Gyeongbokgung Palace, Gwanghwamun Square, Cheonggyecheon Stream, Hanok Village, Itaewon Street, Seoul Central Mosque dan Seoul Tower. Sebahagian peserta juga berpeluang untuk merasai pengalaman berharga menaiki zipline ke Pulau Nami dan juga menikmati pemandangan indah semasa berada di pulau tersebut. Sebelum pulang, semua peserta telah dibawa ke Namdaemun Market dan Myeong-dong's street untuk aktiviti membeli-belah.



Peserta lawatan tidak melepaskan peluang menggunakan pakaian tradisi Korea semasa lawatan ke Hanok Village.



Lawatan ke Masjid Seoul juga turut diadakan.



Lawatan ke Pulau Nami, Korea.



Ahli-ahli PUSPANITA IPJPSM bergambar kenangan di Pulau Nami, Korea.

PROGRAM PERJUMPAAN PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN PERINGKAT SEMENANJUNG MALAYSIA BERSEMPENA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI KE-39 TAHUN 2019

ILHAM DAN NUKILAN: NURUL HUDA BINTI JAMALUDDIN
SETIAUSAHA PUSPANITA, IPJPSM

PERAK (20-24 NOVEMBER 2019)

Program Perjumpaan PUSPANITA Peringkat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia ini merupakan program yang telah disusun bersempena dengan Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Ke-39 Tahun 2019 yang diadakan di Negeri Perak bermula pada 20 hingga 24 November 2019. Objektif program ini adalah untuk menjadi satu platform bagi mengeratkan hubungan silaturrahim, berkongsi ilmu pengetahuan, pandangan dan pengalaman di antara PUSPANITA peringkat JPSM bersama-sama dengan PUSPANITA peringkat JPN melalui pelbagai aktiviti yang telah disusun.

Seramai 19 orang ahli PUSPANITA termasuk anak-anak Pengurus PUSPANITA Jabatan Perhutanan Negeri telah menyertai program ini. Pelbagai aktiviti berfaedah dan menarik telah diadakan antaranya lawatan ke Pulau Pangkor, Pusat Konservasi Penyu, Kilang Hasil Laut Pak Su, Masjid Seribu Selawat Al-Badr, Kedai Pembuatan Labu Sayong, Pusat Kraftangan Enggor, Movie Animation Park Studios (MAPS), Taman Eko Rimba Kledang Saiong, HOGA Gaharu Tea Valley, Bamboo Jungle Adventure dan Gua Tempurung, Perak. Seterusnya semua ahli turut berpeluang menjalankan aktiviti Program Restorasi di Persisiran Sungai Perak dan Program CSR PUSPANITA bersama kanak-kanak di Rumah Kanak-Kanak Sultan Abdul Aziz, Kuala Kangsar. Pada sebelah malam, turut diadakan perlawanan bowling di Ipoh Parade bagi merapatkan silaturrahim sesama ahli.



Lawatan ke Pusat Konservasi Penyu di Pulau Pangkor



Program Restorasi di Persisiran Sungai Perak Bersama PUSPANITA Daerah Kuala Kangsar & PUSPANITA JPSM.

KURSUS PENGGUNAAN APLIKASI SISTEM e-GEOSPATIAL PERHUTANAN (e-GP)

ILHAM DAN NUKILAN: NOR WAHIDAH BINTI AMRAN
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT, IPJPSM

KUALA LUMPUR (22 OKTOBER 2019)

Seksyen Geoformatik, Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) telah menganjurkan "Kursus Penggunaan Aplikasi Sistem e-Geospatial Perhutanan (e-GP)" pada 22 dan 23 Oktober 2019 bertempat di Bilik Latihan Pengurusan Maklumat, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Seramai 18 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri serta 5 Bahagian di Ibu Pejabat yang terlibat iaitu Bahagian Pengurusan Maklumat, Bahagian Pengurusan Hutan, Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan, Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan dan Bahagian Penguatkuasaan Hutan telah menghadiri kursus tersebut. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan asas dan latihan secara *hands on* kepada peserta kursus mengenai penggunaan sistem e-GP. Tenaga pengajar bagi kursus ini adalah terdiri daripada tiga orang pegawai dan kakitangan daripada Seksyen Geoformatik, BPM.



Para peserta diajari mengenai kaedah penggunaan sistem e-GP.

Melalui kursus ini, para peserta dapat memahami langkah penggunaan sistem ini yang penting seperti aspek pengemaskinian maklumat geospatial dan aktiviti pemantauan serta penguatkuasaan hutan.

PROGRAM AWARENESS DAN SHARING KNOWLEDGE MENGENAI JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BERSAMA KAKITANGAN AIR ASIA SDN. BHD. DI PEJABAT RED 'Q' AIR ASIA, SEPANG, SELANGOR

ILHAM DAN NUKILAN: AIMIE AIZA BINTI MOHD TUSIN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM, IPJPSM

KUALA LUMPUR (24 OKTOBER 2019)

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah dijemput bersama-sama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) ke Program "Sharing Knowledge" bersama kakitangan Air Asia Sdn. Bhd. yang berlangsung di Pejabat Red 'Q', Sepang, Selangor. Program ini bertujuan memberikan perkongsian maklumat kepada warga Air Asia mengenai fungsi, tanggungjawab dan bidang tugas agensi kerajaan dalam usaha memelihara kepelbagaiannya biodiversiti di Malaysia. JPSM telah diwakili oleh Encik Mohd Yussainy bin Md Yusop, Ketua Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam (UKKPA) berkongsi maklumat mengenai organisasi JPSM, fungsi dan usaha jabatan dalam memelihara dan memulihara hutan serta memastikan pengekalan 50% kawasan hutan di Malaysia yang juga merupakan komitmen untuk negara di peringkat antarabangsa.



Gerai pameran bersama warga Air Asia Sdn. Bhd semasa program dijalankan.



Sharing Knowledge bersama warga Air Asia disampaikan oleh Encik Mohd Yussainy bin Md Yusop, Ketua Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam (UKKPA) IPJPSM

DISEDIAKAN OLEH : ABDUL NASIR BIN ISMAIL
JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN

JELEBU, NEGERI SEMBILAN (26-28 OKTOBER 2019)

Kursus Pemantapan Kemahiran Rekreasi Luar Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah diadakan pada 26 hingga 28 Oktober 2019. Kursus ini dijalankan di Taman Negeri Kenaboi, Jelebu, Negeri Sembilan. Kursus Pemantapan Kemahiran Rekreasi Luar ini bertujuan memberi pengetahuan, pendedahan dan meningkatkan kemahiran asas-asas rekreasi luar, pengurusan pelanggan dan pengendalian aktiviti-aktiviti ekopelancongan. Seramai 30 orang peserta yang terlibat yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan pelbagai peringkat Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Dalam kursus ini peserta dilatih dengan kemahiran mengendalikan pelanggan VIP semasa sambutan Program Hari Keluarga Menteri Besar Negeri Sembilan. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang tiga hari dua malam, antaranya *Jungle trekking, tubing, abseiling, ATV Ride*, meredah sungai, berkuda, memanah dan kemandirian hutan. Majlis penutupan Kursus Pemantapan Rekreasi Luar kali ini telah disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan.



KURSUS PEMANTAPAN KEMAHIRAN REKREASI LUAR JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN

KURSUS PENGGUNAAN *GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM (GIS)* DAN *GLOBAL POSITIONING SYSTEM (GPS)* UNTUK TUJUAN PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN HUTAN



Peserta kursus membuat latihan menggunakan perisian ArcGIS.

ILHAM DAN NUKILAN : NOR WAHIDAH BINTI AMRAN
BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT, IPJPSM

KUALA LUMPUR (29 OKTOBER 2019)

Seksyen Geoformatik, Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) telah menganjurkan "Kursus Penggunaan GIS dan GPS Untuk Tujuan Pemantauan dan Penguatkuasaan Hutan" pada 29 hingga 31 Oktober 2019 bertempat di Bilik Latihan Pengurusan Maklumat, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Objektif kursus ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan asas kepada peserta secara teori dan praktikal dalam pengendalian alat *Handheld GPS* dan penggunaan perisian GIS. Peserta kursus turut didedahkan dengan penggunaan sistem laman web Planet.com yang merupakan salah satu laman web yang membekalkan data kawasan hutan di seluruh dunia. Sehubungan itu, pengguna boleh membuat carian maklumat kawasan hutan untuk tujuan pemantauan dan penguatkuasaan hutan. Seramai 16 orang peserta telah menghadiri kursus ini yang melibatkan kumpulan pegawai lantikan baharu, Pegawai GIS serta Pegawai Penguatkuasaan di Jabatan Perhutanan Negeri dan Bahagian-bahagian di Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.



KEMPEN DAN ROADSHOW PERHUTANAN SOSIAL JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA TAHUN 2019



Program bagi peringkat Negeri Johor telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Hjh. Alawiyah binti Talib, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Endau, Johor.

ILHAM DAN NUKILAN: SHARIFAH AMIRA BINTI SALIM
BAHAGIAN LADANG HUTAN & PERLINDUNGAN HUTAN, IPJPSM

KUALA SEPETANG, PERAK (7 NOVEMBER 2019)

Kempen dan Roadshow Perhutanan Sosial adalah program yang dianjurkan oleh Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri.

Antara objektif kedua-dua program ini ialah memberi pengetahuan dan kefahaman kepada kakitangan JPSM dan komuniti setempat berkaitan program perhutanan sosial, perkongsian pengalaman antara peserta dan komuniti yang terlibat secara langsung dengan program perhutanan sosial serta memberi pendedahan berkaitan kejayaan pelaksanaan Program Perhutanan Sosial melalui lawatan ke lapangan.

Bagi kempen dan juga roadshow peringkat Negeri Perak, ia telah diadakan di Pusat Eko-Pelajaran Hutan Paya Laut Matang, Kuala Sepetang, Perak. Kempen ini telah diadakan pada 7 November 2019 melibatkan seramai 300 orang kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan masyarakat setempat di Kuala Sepetang. Program ini dirasmikan oleh YBhg. Dato' Hj. Zahari bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah Dasar dan Perancangan, JPSM dan sesi ceramah disampaikan oleh Encik Mohd Parid bin Mamat, Ketua Program Perhutanan Sosial, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Simbolik perasmian program ini ialah aktiviti menaman pokok dan sebanyak 150 anak pokok telah ditanam semasa program ini.

Di samping itu, roadshow ini juga telah diadakan pada 8 November 2019 dan melibatkan seramai 50 orang kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan sesi taklimat disampaikan oleh Dr. Huda Farhana binti Mohamad Muslim, Pegawai Program Perhutanan Sosial, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Bagi peringkat Negeri Johor, kempen dan roadshow telah diadakan pada 5 Disember 2019 dan melibatkan seramai 300 orang kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Johor dan masyarakat setempat di Persisiran Pantai Semanyir. Program ini dirasmikan oleh Yang Berhormat Hjh. Alawiyah binti Talib, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Endau, Johor dan sesi ceramah disampaikan oleh Encik Mohd Parid bin Mamat, Ketua Program Perhutanan Sosial, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

KEM BAGI KEM CINTA ALAM PEMIMPIN PASUKAN BADAN BERUNIFORM SEKOLAH MENENGAH PERINGKAT NEGERI SEMBILAN 2019 ANJURAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

DISEDIAKAN OLEH : ABDUL NASIR BIN ISMAIL
JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN

KUALA PILAH, NEGERI SEMBILAN (5-7 NOVEMBER 2019)

Program Kem Cinta Alam Pemimpin Badan Beruniform Sekolah Menengah Peringkat Negeri Sembilan telah diadakan pada 5 hingga 7 November 2019. Kem ini dijalankan di Taman Eko Rimba Ulu Bendul, Kuala Pilah yang telah dianjurkan bersama oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dan Unit Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan. Seramai 60 peserta telah menghadiri kem ini yang melibatkan pelajar dan guru pengiring. Kem Cinta Alam ini adalah satu saluran pendidikan luar bilik darjah yang amat berkesan dalam usaha menangani pelbagai bentuk masalah dan gegala sosial.

Kem ini juga mendidik pelajar supaya percaya kepada diri sendiri dan sedar akan kemampuan diri melalui aktiviti-aktiviti yang disediakan serta didedahkan kepada persekitaran baru, dan menanam sifat keberanian dan kepercayaan *internal* dan *interpersonal*. Dengan penglibatan dan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan, maka peserta dapat menambahkan lagi pengalaman dan pendedahan ilmu perhutanan. Di samping menimba pengalaman, perkhemahan ini telah dapat mengeratkan tali persaudaraan sesama pelajar dan juga guru-guru.



KURSUS PEMANDUAN KENDERAN PACUAN 4 RODA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN DAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN

DISEDIAKAN OLEH : ABDUL NASIR BIN ISMAIL (JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN) DAN MOHD FARIZ BIN ABD RHANI (JABATAN PERHUTANAN NEGERI KELANTAN)

NEGERI SEMBILAN & KELANTAN (11-14 NOVEMBER 2019)

Kursus Pemanduan Kenderaan Pacuan empat Roda Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNNS) telah diadakan pada 11 hingga 14 November 2019. Kursus ini djalankan kepada dua peringkat iaitu teori dan amali. Peringkat teori djalankan di Bilik Mesyuarat, Pejabat Tapak Semaian Mantin dan peringkat amali djalankan di Hutan Simpan Lenggen, Negeri Sembilan. Seramai 32 peserta yang terdiri daripada pegawai kenderaan dan pemandu hadir kursus kali ini. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan serta memantapkan lagi pengetahuan pegawai penyelia kenderaan serta pemandu kenderaan jabatan berkaitan dengan pengurusan kenderaan dan teknik pemanduan serta pengendalian kenderaan pacuan empat roda dengan cara yang betul dan selamat.

Selain itu, Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) turut menganjurkan satu kursus pemanduan berhemah pacuan empat roda 4 x 4 yang diadakan pada 18 hingga 20 Jun 2019 di Pusat Latihan Perhutanan Bukit Bakar, Machang Kelantan. Kursus ini melibatkan pemandu kenderaan jabatan di JPNK dan Pejabat Hutan Jajahan seramai 30 orang.

Kursus ini diadakan bertujuan memberi pendedahan dan kefahaman aspek keselamatan jalanraya dan meningkatkan rasa kayakinan, meningkatkan pengetahuan, kemahiran, dan ketrampilan etika serta imej pemandu dan pemanduan agar lebih bertanggungjawab dan bersikap positif. Di samping itu, kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kefahaman tentang asas penyelenggaraan kenderaan dan penyediaan dokumen penyenggaraan kenderaan dan memupuk budaya kerja cemerlang dan memenuhi keperluan pihak yang dipertanggungjawabkan.

Antara pengisian kursus adalah terdiri daripada kod etika pemandu, kaedah keselamatan dan peraturan jalan raya, etika diri dan penampilan pemandu, komunikasi dan perhubungan serta asas-asas penyelenggaraan kenderaan dan kaedah pengisian Buku (Log kenderaan). Dengan penganjuran kursus ini, ia dapat melatih pemandu kenderaan jabatan dalam mengendalikan pacuan empat roda dengan lebih baik di samping meningkatkan teknik, penjagaan dan cekap di dalam pemanduan, imej serta etika pemandu jabatan.

PELANCARAN REKAAN LUAR BAHARU PESAWAT AIR ASIA SDN. BHD. DENGAN TEMA “HUTAN KITA” SEMPENA KEMEN SELAMATKAN HARIMAU MALAYA

DISEDIAKAN OLEH: AIMIE AIZA BINTI MOHD TUSIN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM, IPJPSM

KUALA LUMPUR, 12 NOVEMBER 2019

Majlis gemilang ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Dr. Xavier Jayakumar, Menteri Kementerian Air, Tanah dan Alam Sekitar (KATS) dengan rekaan bertemakan "Selamatkan Harimau Malaya" (Save Our Malayan Tiger). Rekaan ini juga turut memaparkan logo "Hutan Kita-Journey through our Rainforest".

Majlis ini turut disertai oleh Tan Sri Dr. Anthony Francis Fernandes, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Air Asia Sdn. Bhd. dan YBhg. Dato' Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama Pengarah Pengarah Perhutanan Negeri juga turut serta.



Sesi bergambar Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri di Majlis Pelancaran Rekaan Luar Baharu Pesawat Air Asia (A320).

Rentetan daripada pelancaran produk terbaru tersebut, pihak syarikat penerbangan telah mengambil inisiatif dalam menzahirkan sokongan mereka ke atas komitmen kerajaan Malaysia dalam pengurusan sumber hidupan liar. Pihak Air Asia telah melancarkan grafik rekaan terbaru di luar pesawat Airbus A320. Rekaan ini telah memaparkan tulisan 'Save Our Tiger' dan logo Hutan Kita-Journey Through Our Rainforest.

Majlis pelancaran ini turut dihiasi dengan "feel and look" alam semulajadi. Bagi merealisasikan hiasan tersebut, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah menyumbangkan tenaga dan bahan tanaman dengan sejumlah 346 pokok daripada Pameran 'Hutan Kita' untuk dipamerkan di kawasan berkenaan. Jabatan Perhutanan Negeri Selangor serta Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan, IPJPSM turut serta bagi menjayakan dekorasi hiasan berkenaan.



Rekabentuk Luar Baharu Pesawat Air Asia A320 yang memaparkan Logo "Hutan Kita" dan Kempen Selamatkan Harimau Malaya

PELANCARAN BUKU “RASUAH DIHINA, INTEGRITI DIBINA” TERBITAN UNIT INTEGRITI PERHUTANAN, JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA.

DISEDIAKAN OLEH: MOHD RIZAL BIN ABDUL RAHIM
UNIT INTEGRITI PERHUTANAN, IPJPSM

KUALA LUMPUR (26 November 2019)

Pelancaran buku bertajuk “RASUAH DIHINA, INTEGRITI DIBINA” terbitan Unit Integriti Perhutanan telah diadakan sempena Majlis Perhimpunan Bulanan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia Bil. 11/2019 di Dewan Damar Minyak, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Pelancaran buku ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato’ Mohd Ridza bin Awang, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia. Penerbitan buku ini adalah merupakan satu usaha pengukuhan integriti dan memerangi rasuah khususnya di dalam Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Buku ini mengandungi sebanyak 25 bab yang merangkumi pelbagai topik iaitu di antaranya pengenalan kepada SPRM, pengertian rasuah, punca-punca jenayah rasuah, kesalahan-kesalahan di bawah Akta SPRM 2009, isu-isu integriti penjawat awam dan lain-lain lagi. Penerbitan buku ini juga adalah merupakan satu inisiatif Unit Integriti Perhutanan, bagi menyampaikan maklumat dan seterusnya boleh dijadikan sebagai bahan bacaan serta rujukan kepada seluruh warga kerja Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dalam memperkuatkannya pembudayaan integriti.



Sesi penerimaan buku oleh Pengarah-Pengarah Bahagian



Buku bertajuk “RASUAH DIHINA, INTEGRITI DIBINA”.

PROGRAM INTERNATIONAL FORESTRY FORA TALK KALI KE-3 TAHUN 2019 JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

DISEDIAKAN OLEH :
BAHAGIAN HAL EHWAL ANTARABANGSA, IPJPSM

IPJPSM, 11 DISEMBER 2019 - Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) telah menganjurkan Program International Forestry Fora Talk kali ke-3 Tahun 2019 pada 11 Disember 2019 bertempat di Dewan Damar Minyak, IPJPSM. Program berbentuk perkongsian pengalaman dan pengetahuan dalam bidang perhutanan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato’ Hj. Zahari bin Ibrahim, Timbalan Ketua Pengarah (Dasar dan Perancangan). Pelaksanaan program ini adalah khusus untuk pegawai dan kakitangan yang telah menghadiri kursus, latihan, seminar, bengkel dan forum di luar negara bagi berkongsi menyalurkan pengalaman serta pengetahuan yang diperoleh kepada warga JPSM yang tidak berkesempatan menghadiri program di luar negara yang berkaitan. Tujuan utama program ini dianjurkan adalah sebagai platform perkongsian maklumat, informasi, idea, pandangan dan pengalaman mengenai isu-isu semasa perhutanan di peringkat global dan memberi pendedahan serta meningkatkan keyakinan diri melalui pembentangan, soal jawab dan kemahiran komunikasi dua hala. Pada program ini, seramai lima pegawai yang telah menyempurnakan pembentangan dengan isu perhutanan yang terkini. Pada akhir program telah diadakan sesi soal jawab dan respon yang diperoleh daripada para pegawai dan kakitangan yang menghadiri program adalah sangat memuaskan dengan pelbagai pertanyaan diutarakan kepada para pembentang.



Sesi soal jawab dibuka kepada semua pembentang.



Perasmian program oleh Ybhg. Dato' Zahari bin Ibrahim.



“And it is He who spread the Earth and made in it firm mountains and rivers, and of all fruits, he has made in it two kinds; He makes the night cover the day; most surely there are signs in this for a people who reflect”

-Surah Al-Raad (13:3)



Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia,
Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur.
Tel: 603-26164488 Faks: 603-2692 5657
Laman Sesawang: <http://www.forestry.gov.my>